



**TATACARA PEMILIHAN  
PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT  
USM**

**2011**

**dikeluarkan oleh**

**Urusetia Pemilihan  
Profesor sebagai Ahli Senat**

9.8.2011

## PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT USM

### BAHAGIAN 1

#### KUASA-KUASA PERLEMBAGAAN USM DAN BIDANG KUASA NAIB CANSOLOR

##### 1. Seksyen 24 (Perlembagaan USM)

1.1. Mengikut seksyen 24(1) Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (P.U.(A) 2011) Senat hendaklah terdiri daripada;

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian dan semua ketua Kampus Cawangan, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi Universiti;
- (d) profesor sepenuh masa yang jumlahnya hendaklah bersamaan dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan (c), dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subseksyen (12); dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

##### 2. Kuasa-Kuasa Naib Canselor

2.1 Seksyen 24(12) Perlembagaan USM memperuntukkan :

Bagi maksud pemilihan ke Senat di bawah perenggan 24(1)(d), Naib Canselor boleh, dari masa ke semasa

- (a) Mewujudkan kelompok akademik; menetapkan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu;
- (b) Memperuntukkan jumlah kerusi Senat yang dipegang oleh setiap kelompok.

2.2 Membentuk urusetia pemilihan seperti:

- 2.2.1 Jawatankuasa Pemilihan (JKP) - satu badan untuk mengubal dasar dan prosedur pemilihan.
- 2.2.2 Jawatankuasa Kerja (JKK) - satu badan untuk melaksanakan proses pemilihan
- 2.2.3 Lain Jawatankuasa yang didapati perlu oleh Jawatankuasa Pemilihan dalam urusan berkenaan.

2.3 Menentukan dasar dan tatacara pemilihan

##### 3. Jawatankuasa Pemilihan [JKP]

- 3.1 JKP akan dianggotai oleh seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli- ahli yang dilantik oleh Naib Canselor.
- 3.2 Pengerusi JKP ialah Pendaftar USM.
- 3.3 Timbalan Pengerusi adalah Timbalan Pendaftar Kanan (BPA).
- 3.4 Setiausaha JKP ialah Ketua Penolong Pendaftar Seksyen Senat.
- 3.5 Ahli-ahli terdiri daripada:  
Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia;  
Penasihat Undang-Undang, Pejabat Perundangan atau wakilnya;  
Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik;  
Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar;  
Timbalan Pendaftar (Kampus Kejuruteraan);  
Timbalan Pendaftar (Kampus Kesihatan) .
- 3.6 JKP ini akan bertanggungjawab membentuk tatacara dan peraturan pemilihan.
- 3.7 JKP juga bertanggungjawab terhadap semua perjalanan pemilihan.

- 3.8 JKP boleh mencadangkan kepada Naib Canselor untuk membatalkan pemilihan atau menangguhkan pemilihan sekiranya terdapat kes-kes yang melanggar peraturan-peraturan pemilihan.
- 3.9 Mesyuarat JKP perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali di setiap sesi pemilihan.
- 3.10 Korum keahlian ialah 1/3 keahlian
- 3.11 Mesyuarat JKP hendaklah dipanggil oleh Pengerusi atau Setiausaha JKP.

#### **4. Jawatankuasa Kerja (JKK)**

- 4.1 JKP akan membentuk JKK bagi menjalankan segala urusan pelaksanaan yang berkaitan dengan pemilihan.
- 4.2 Urusan Pemilihan akan mengandungi seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Pengerusi JKP.
- 4.3 JKK ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan (BPA).
- 4.4 Timbalan Pengerusi JKK ialah Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
- 4.5 Setiausaha JKK ialah Ketua Penolong Pendaftar Seksyen Senat.
- 4.6 Ahli-ahlinya akan dilantik oleh JKP termasuk Timbalan Pendaftar Kampus Kesihatan dan Kejuruteraan yang juga menjadi Pengerusi JKK di peringkat kampus masing-masing.
- 4.7 Pengerusi dan Setiausaha Pemilihan akan bertanggungjawab menentukan tempat, kakitangan pemilihan, kertas undi, segala dokumentasi-dokumentasi pemilihan yang diperlukan dan segala peralatan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan.
- 4.8 Pengerusi dan Setiausaha Pemilihan mempunyai kuasa di dalam mengeluarkan arahan-arahan, pemberitahuan dan apa-apa prosedur yang berkait dengan perjalanan pemilihan.

#### **5. Kelompok Pemilihan**

- 5.1 Seksyen 24(12) Perlembagaan Universiti memperuntukkan bahawa Naib Canselor boleh dari masa ke semasa mewujudkan kelompok akademik; menetapkan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu.
- 5.2 Seksyen 24(12) juga telah memberi Naib Canselor kuasa untuk menentukan jumlah kerusi Senat yang dipegang oleh setiap kelompok
- 5.3 JKK diberi kuasa untuk menjalankan pemilihan seperti di Perkara 5.1 dan 5.2.

#### **6. Undang-Undang dan Peraturan Pemilihan**

- 6.1 Undang-undang dan peraturan pemilihan yang diguna pakai bagi tujuan pemilihan ini adalah seperti yang diluluskan oleh Naib Canselor.
- 6.2 Hak merujuk dan memakai peraturan ini adalah hak mutlak Naib Canselor dan segala keputusan adalah muktamad.
- 6.3 Naib Canselor boleh menurunkan kuasa dan mengarahkan JKP untuk mengubah atau meminda apa-apa undang-undang atau peraturan pemilihan dari masa ke semasa.

#### **7. Tafsiran**

- 7.1 "Pemilih" bermaksud Profesor dan Profesor Madya Sepenuh Masa serta Profesor kunjangan USM.
- 7.2 Profesor dan Profesor Madya Sepenuh Masa serta Profesor kunjangan bermaksud staf akademik dalam kategori tetap dan kontrak dengan pelantikan tidak kurang daripada satu tahun. (tidak termasuk pelantikan tanpa gelaran Profesor/Profesor Madya).
- 7.3 Pemilih yang sedang cuti belajar/cuti sabbatical/dipinjamkan ke agensi lain adalah layak untuk mengundi. Semua perbelanjaan bagi tujuan ini adalah tanggungan sendiri.

7.4 Calon Pemilihan ertinya Profesor Sepenuh Masa seperti di perkara 7.2.

**8. Daftar Pemilih**

8.1 JKK adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih untuk digunakan di dalam Pemilihan ini.

**9. Susunan Nama-Nama**

9.1 Nama-nama pemilih di dalam daftar pemilih adalah diatur mengikut perkara 5 mengikut susunan abjad.

**10. Kelayakan Pemilih**

10.1 Setiap pemilih adalah layak untuk mengundi bagi Pemilihan ini

**BAHAGIAN 2**

**NOTIS MENGENAI PEMILIHAN**

**11. Notis**

11.1 JKK hendaklah mengeluarkan notis Pemilihan.

11.2 Notis ini hendaklah menyatakan tarikh:-

- 11.2.1 Hari Pemberitahuan Bakal-bakal Calon
- 11.2.2 Hari Menarik Diri Bakal-bakal Calon (termasuk masa bantahan terhadap bakal-bakal calon)
- 11.2.3 Hari Penyenaraian Calon-Calon yang rasmi
- 11.2.4 Hari Mengundi
- 11.2.5 Tempat dan masa mengundi

11.3 Dalam peraturan in, **Hari Pemberitahuan** hendaklah tidak kurang daripada dua hari selepas tarikh notis (termasuk hari pemberitahuan dan tidak termasuk hari minggu) disiarkan.

11.4 **Hari Mengundi** hendaklah dijalankan tidak kurang daripada tiga hari dari hari pemberitahuan (termasuk hari pemberitahuan dan termasuk hari cuti).

**BAHAGIAN 3**

**JUMLAH PERWAKILAN**

**12. JUMLAH PERWAKILAN YANG AKAN DIPERTANDINGKAN (Berdasarkan Kelompok Kluster)**

12.1. Mengikut Seksyen 24(i)(d); Profesor sepenuh masa yang jumlahnya hendaklah bersamaan dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan (c), dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subskesyen (12); Jumlah Kerusi Senat bagi Profesor adalah berdasarkan kelompok seperti di bawah:-

HYBRID		Jumlah Kerusi
1.	Siswazah Perniagaan	8
2.	Pendidikan Jarak Jauh	
3.	Ilmu Pendidikan	
4.	Perumahan, Bangunan dan Perancangan	
5.	Teknologi Industri	
6.	Pengurusan	
<b>SASTERA</b>		
7.	Seni	4
8.	Komunikasi	
9.	Ilmu Kemanusiaan	
10.	Bahasa, Terjemahan dan Literasi	
11.	Sains Kemasyarakatan	
<b>SAINS</b>		
12.	Sains Kajihayat	13
13.	Sains Kimia	
14.	Sains Fizik	
15.	Sains Matematik	
16.	Sains Komputer	
17.	Sains Farmasi	

<b>KEJURUTERAAN</b>		
18.	Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	5
19.	Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	
20.	Kejuruteraan Aeroangkasa	
21.	Kejuruteraan Kimia	
22.	Kejuruteraan Awam	
23.	Kejuruteraan Mekanik	
<b>KESIHATAN DAN PERUBATAN</b>		
24.	Sains Kesihatan	7
25.	Sains Pergigian	
26.	Sains Perubatan	
<b>PUSAT PENYELIDIKAN/PERKHIDMATAN</b>		
27.	Arkeologi Global	4
28.	Dadah dan Ubat-Ubatan	
29.	Dasar dan Kajian Antarabangsa	
30.	IPv6 Termaju Negara	
31.	Samudera dan Pantai	
32.	KANITA	
33.	Teknologi Pengajaran dan Multimedia	
34.	INFORMM	
35.	Biologi Kimia	
36.	Kelestarian Global	
37.	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	
38.	Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar	

- 12.1.1 Pencalonan dan pemilihan bagi kerusi kelompok **HYBRID** hanya terbuka kepada pemilih-pemilih berdaftar di Kelompok tersebut sahaja.
- 12.1.2 Manakala pencalonan dan pemilihan bagi kerusi untuk kelompok **SASTERA** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di kelompok tersebut sahaja.

- 12.1.3 Manakala pencalonan dan pemilihan bagi kerusi untuk kelompok **SAINS** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di kelompok tersebut sahaja.
- 12.1.4 Manakala pencalonan dan pemilihan bagi kerusi untuk kelompok **KEJURUTERAAN** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di kelompok tersebut sahaja.
- 12.1.5 Manakala pencalonan dan pemilihan bagi kerusi untuk kelompok **KESIHATAN DAN PERUBATAN** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di kelompok tersebut sahaja.
- 12.1.6 Manakala pencalonan dan pemilihan bagi kerusi untuk kelompok **PUSAT PENYELIDIKAN/PERKHIDMATAN** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di kelompok tersebut sahaja.

12.2 Jumlah kerusi bagi setiap kelompok ditentukan oleh bilangan Profesor di dalam kelompok berkenaan.

#### **BAHAGIAN 4**

#### **PENCALONAN**

#### **13. Calon**

- 13.1 Profesor sepenuh masa yang dilantik secara tetap/kontrak/kunjungan untuk tempoh minimum satu tahun dari semua Kelompok adalah layak menjadi calon.
- 13.2 Manakala Profesor yang telah dilantik secara automatik (atas sebab penyandang jawatan) sebagai ahli Senat tidak layak menjadi calon (Perkara 1.1( a), ( b) dan (c))
- 13.3 Profesor yang cuti belajar/sabatikal/dipinjamkan ke agensi lain tidak layak menjadi calon.

## BAHAGIAN 5

### KAEDAH-KAEDAH PEMBERITAHUAN BAKAL-BAKAL CALON

#### 14. Kaedah Pemberitahuan Calon

- 14.1 Semua calon yang layak seperti di perkara 13 akan disenarai mengikut susunan abjad nama calon
- 14.2 Nama calon-calon tersebut akan diumumkan pada Hari Pemberitahuan Bakal Calon .
- 14.3 Seseorang calon hanya dibenarkan menarik diri secara rasmi dari pertandingan Pemilihan selewat-lewatnya jam 5.00 petang pada hari menarik diri. Penarikan diri selepas tarikh dan masa ini, tidak akan dilayan.
- 14.4 Sekiranya selepas proses penarikan diri calon ditutup didapati jumlah calon bagi satu Kelompok yang tertentu itu berkebetulan sama dengan jumlah kerusi-kerusi yang dipertandingkan, Pengerusi JKP akan mengistiharkan calon-calon yang bertanding menang tanpa bertanding.
- 14.5 Sekiranya jumlah calon melebihi jumlah kerusi yang dipertandingkan bagi satu Kelompok yang tertentu itu, Pengerusi JKP akan mengarah supaya Pemilihan dijalankan.
- 14.6 Dalam keadaan di mana terdapat bilangan calon kurang daripada jumlah kerusi yang akan dipertandingkan untuk satu Kelompok yang tertentu, Pengerusi JKP akan mengistiharkan calon-calon berkenaan menang tanpa bertanding.
- 14.7 Dalam keadaan di mana satu kerusi/kerusi-kerusi tidak dipenuhi, Naib Canselor akan melantik seorang wakil/wakil-wakil daripada Kelompok tertentu untuk menduduki dalam Kerusi Senat.

## BAHAGIAN 6

### PENGUNDIAN

#### 15. Cara Mengundi

- 15.1 Mengundi mengikut kelompok yang telah ditetapkan oleh JKP.
- 15.2 Pemilihan cara ini diberi kepada Pemilih yang berada di dalam Kelompok seperti di perkara 12.1.

#### 16. Kaedah Mengundi

Terdapat 2 kaedah mengundi.

##### 16.1 Mengundi Pada hari biasa

- 16.1.1 Mengundi pada hari mengundi biasa maknanya mengundi pada hari yang telah ditetapkan oleh JKP.
- 16.1.2 Pemilihan cara ini diberi kepada pemilih:
  - 16.1.2.1 yang berada di kampus semasa hari mengundi
  - 16.1.2.2 yang tidak berada di dalam kampus kerana bercuti atau urusan-urusan lain sebelum hari pemberitahuan calon; mengundi dengan cara mereka datang ke kampus pada hari mengundi.
- 16.1.3 Sistem ini adalah sistem mengundi biasa iaitu mengundi pada hari pemilihan yang telah ditetapkan. Seseorang pemilih adalah dikehendaki menandakan dengan tanda "X" terhadap calon yang dipilihnya di dalam petak yang disediakan untuknya. Cara yang diamalkan pada keseluruhannya di semua tempat mengundi adalah seperti berikut:-
  - 16.1.3.1 Peti undi akan diletakkan di tempat yang boleh dilihat oleh ketua tempat mengundi dan wakil-wakil tempat mengundi.
  - 16.1.3.2 Pemilih yang memasuki tempat mengundi akan disemak namanya dalam daftar pemilih.

- Pemilih akan diminta supaya menunjukkan kad pendaftaran/kad pengenalan untuk pengenalan dirinya.
- 16.1.3.3 Pemilih bagi pemilihan ini akan diberikan 1 kertas undi yang dicopkan dengan tandarasmi JKP.
- 16.1.3.4 Pemilih akan menandakan undi secara rahsia dengan menanda 'X' di dalam kertas undi bagi calon pilihan mereka, dengan menggunakan penanda yang disediakan untuk tujuan tersebut. [Penanda ini biasanya ialah pen] dan menanda pilihan mereka mengikut jumlah kerusi yang diperuntukkan mengikut kelompok.
- 16.1.3.5 Selepas pemilih menandakan kertas undi, pemilih perlu memasukkan kertas undi tersebut ke peti undi.
- 16.1.3.6 **Pemilih hendaklah memangkah bilangan calon yang telah ditetapkan bagi memenuhi setiap kelompok. Jika setiap kelompok memerlukan 2 wakil, maka 2 calon perlu dipilih. Begitu juga kelompok yang memerlukan 3, 4 dan 6 wakil. Memilih kurang atau lebih menjadikan kertas undi terbatal dengan sendirinya.**

## 16.2 Pemilihan Lebih Awal

- 16.2.1 Pemilihan lebih awal maknanya pemilih tersebut diberi kuasa untuk memilih awal.
- 16.2.2 Pemilihan cara ini hanya diberi kepada pemilih yang mempunyai kes khas seperti:
- 16.2.2.1 pemilih yang terpaksa meninggalkan kampus sebelum hari mengundi kerana urusan rasmi yang diwajibkan oleh universiti (iaitu sebelum hari mengundi tetapi selepas hari pemberitahuan calon).

## 16.2.3 Kaedah pemilihan adalah:

- 16.2.3.1 Peti akan diletakkan di tempat yang boleh dilihat oleh ketua tempat mengundi dan wakil.
- 16.2.3.2 Pemilih yang memasuki tempat mengundi akan disemak namanya dalam daftar pemilih.
- 16.2.3.3 Pemilih akan diberikan satu kertas undi yang dicopkan tandarasmi JKP dan satu sampul surat kosong.
- 16.2.3.4 Pemilih akan menandakan undi secara rahsia dengan 'X' didalan kertas undi.
- 16.2.3.5 Selepas pemilih menandakan kertas undi, masukkan kertas tersebut ke dalam sampul yang telah diberi dan "disealkan". Seterusnya masukkan kertas undi ke dalam peti undi.
- 16.2.3.6 **Pemilih hendaklah memangkah bilangan calon yang telah ditetapkan bagi memenuhi setiap kelompok. Jika setiap kelompok memerlukan 2 wakil, maka 2 calon perlu dipilih. Begitu juga kelompok yang memerlukan 3, 4 dan 6 wakil. Memilih kurang atau lebih menjadikan kertas undi terbatal dengan sendirinya.**
- 16.2.3.7 Selepas tamat pemilihan awal ini, peti undi tersebut akan "disealkan" oleh JKP dengan disaksikan oleh wakil calon.
- 16.2.3.8 Peti undi yang telah "disealkan" akan dibawa oleh Pegawai Keselamatan kampus ke Pejabat Keselamatan untuk disimpan dan dijaga sehinggalah pada hari pengiraan undi.
- 16.2.3.9 Pada hari pengiraan undi, Pegawai Keselamatan akan membawa peti tersebut ke Pusat Pengiraan undi untuk dibuka bagi proses pengiraan undi.

## **17. Kertas-Kertas Undi**

17.1 Tiap-tiap helai kertas undi akan mempunyai nombor siri yang dicetak di sudut atas sebelah kanan dan ianya adalah kertas berwarna untuk membezakan kertas kelompok /Pusat Pengajian.

## **18. Wakil Calon**

Satu daripada keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi oleh seseorang calon, bagi tujuan menjaga kepentingan calon di tiap-tiap tempat mengundi dan tempat mengira undi, urusetia membenarkannya untuk melantik wakil calon dan menempatkan mereka untuk bertugas di tempat-tempat yang tertentu.

## **19. Tugas-Tugas Wakil Calon**

Tanggungjawab Wakil Calon Tempat Pemilihan ialah untuk memelihara kepentingan calon semasa pemilihan. Tugas-tugas utama mereka adalah seperti berikut:-

19.1 Untuk memastikan peti-peti undi adalah kosong sebelum pemilihan bermula dan untuk memeriksa ianya terkunci kemas dan dimaterikan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan sebelum dan sesudah pemilihan.

19.2 Untuk memastikan peti-peti undi dalam keadaan baik sebelum ianya disealkan sebaik sahaja tamat waktu mengundi.

19.3 Sebagai wakil calon semasa proses pengiraan undi.

## **20. Penutupan Pemilihan**

Tempat mengundi akan ditutup tepat pada masa yang telah ditetapkan.

## **21. Mematerikan Dokumen-Dokumen Pemilihan**

Sebaik saja pemilihan ditutup, JKK akan mengemaskan semua dokumen pemilihan ke dalam bungkusan atau sampul-sampul surat yang berasingan. Bungkusan atau sampul-sampul surat tersebut mengandungi perkara-perkara yang berikut:-

21.1 Kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertas-kertas undi rosak.

21.2 Salinan daftar-daftar memilih yang telah ditandakan.

## **22. Penutupan Peti-Peti Undi Selepas Pemilihan**

JKK dengan kehadiran wakil calon akan menutup peti-peti undi yang digunakan atau yang tidak digunakan dan mematerikannya.

## **BAHAGIAN 7**

### **PROSES DAN KAEDAH-KAEDAH MENGIRA UNDI**

## **23. Pengiraan Undi**

### **23.1 Pusat-Pusat Pengiraan Undi**

Pengiraan undi bagi Pemilihan akan dijalankan sepertimana yang akan ditetapkan oleh JKK.

### **23.2 Sistem Pengiraan Undi**

23.2.1 Pengiraan akan dijalankan sepertimana yang ditetapkan oleh JKK.

### **23.3 Mereka Yang Dibenarkan Masuk Ke Kawasan Mengira Undi**

23.3.1 Kawasan Mengira Undi tidak akan dibuka kepada orang ramai kecuali kepada mereka yang telah diberikan pas kebenaran oleh pihak JKK ataupun mereka yang telah menerima jemputan khas dari Urusetia untuk menyaksikan upacara pengiraan. Jika tidak, orang-orang yang berikut sahaja dibenarkan masuk ke dalam kawasan tersebut, iaitu:-

23.3.1.1 Jawatankuasa Pemilihan (JKP)



- 23.3.1.2 Pegawai-pegawai dan petugas-petugas yang telah dilantik oleh JKK (staf dan pelajar)
- 23.3.1.3 Calon-calon dan wakil-wakil calon yang telah ditentukan jumlahnya oleh peraturan.

#### **23.4 Kaedah Pengiraan**

- 23.4.1 Semua peti akan diletakkan di atas meja-meja mengira. Wakil-wakil bolehlah memeriksa semua materi dan kunci keselamatan di tiap-tiap peti undi. Setelah wakil berpuashati bahawa tiap-tiap peti itu adalah dalam keadaan baik, JKK akan terus membuka peti dengan membuka kunci-kunci keselamatan dimaterinya.
- 23.4.2 Kerani-kerani dikehendaki membuka lipatan semua kertas undi dan menyusunnya bagi memudahkan proses pengiraan. Di peringkat ini wakil tidak dibenarkan membuat sebarang gangguan atau kekacauan, akan tetapi hendaklah memerhatikan dengan teliti supaya tidak ada kesilapan mengira atau perbuatan tidak mengambilkira dilakukan oleh kerani-kerani.
- 23.4.3 Kaedah pengiraan yang telah ditetapkan oleh JKK dengan kehendak peraturan-peraturan yang berkenaan.
  - 23.4.3.1 Kertas-kertas undi dikeluarkan daripada peti-peti undi yang telah ditetapkan dan diletakkan di atas meja mengira undi.
  - 23.4.3.2 Kertas-kertas undi tersebut seterusnya akan disusun dengan baik.
  - 23.4.3.3 Kertas-kertas undi tersebut kemudian akan dikira jumlahnya sebelum proses pengasingan dibuat.
  - 23.4.3.4 Selepas kertas undi tersebut disusun, akan diikuti dengan proses pengasingan kertas undi yang diterima dan diragui.

- 23.4.3.5 Kertas undi yang diragui akan di bawa ke Juri untuk pertimbangan semula, manakala kertas undi yang diterima akan terus dikira.
- 23.4.3.6 Kertas-kertas undi yang telah dibawa kepada Juri dan telah ditentukan status, akan dibawa kembali ke meja pengiraan untuk diasing semula sama ada undi yang boleh dikira atau rosak. Keputusan Juri adalah muktamad.
- 23.4.3.7 Selepas pengiraan dibuat, setiap Pengerusi Meja akan mengemukakan keputusan jumlah kepada JKK untuk proses pengumpulan jumlah undi.
- 23.4.3.8 Perjumlahan undi seterusnya akan dibuat bagi mendapatkan undi keseluruhan.

#### **23.5 Pengasingan Kertas Undi**

- 23.5.1 Kertas-kertas undi akan dikeluarkan dari peti undi dan dibahagi-bahagikan sama rata kepada kerani-kerani Mengira Undi untuk diasingkan. Wakil-wakil tidak dibenarkan menyentuh atau memegang mana-mana kertas undi. (Sila lihat perkara 22.4.3.1 – 22.4.3.8)

#### **23.6 Mengumumkan Keputusan Pemilihan**

- 23.6.1 Dalam mengumumkan keputusan JKP akan juga mengistiharkan calon yang menang dan kelebihan undi yang diperolehi oleh pemenang berbanding dengan calon yang mendapat undi kedua banyak.

#### **23.7 Bantahan Pemilihan**

- 23.7.1 'Bantahan Pemilihan' maknanya satu proses bantahan yang dibuat oleh calon-calon atau pemilih terhadap proses-proses perjalanan pemilihan yang melanggar apa-apa tatacara pemilihan yang terdapat di dalam tatacara pemilihan yang dilakukan oleh calon-calon yang tersebut atau oleh mana-mana pihak.

- 23.7.2 Setiap calon atau pemilih boleh mengemukakan bantahan pemilihan dengan cara menulis dengan disertakan bukti-bukti mereka kepada Pengerusi JKP selewat-lewatnya 1 hari selepas pengumuman rasmi.

Pemilihan melakukan tindakan selanjutnya sesuai dengan keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini.

## **BAHAGIAN 8**

### **JAWATANKUASA RAYUAN**

#### **24. Jawatankuasa Rayuan**

- 24.1 Jika pada bila-bila masa, semasa Pemilihan Profesor dimulakan dan terdapat bantahan-bantahan yang boleh menyebabkan sesuatu pemilihan bagi mana-mana kelompok seperti disebut dalam bantahan tersebut, dibatalkan atau digantung keputusannya, JKP boleh membentuk suatu jawatankuasa 'ad-hoc' bagi membuat penyiasatan berhubung bantahan ini yang dalam peraturan ini dinamakan "Jawatankuasa Rayuan".
- 24.2 Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Bendahari/ Ketua Pustakawan dan dianggotai oleh beberapa orang Pegawai Universiti yang mana cara pelantikannya akan ditentukan oleh Pengerusi JKP.
- 24.3 Dalam menjalankan tugasnya Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk memanggil mana-mana pegawai atau staf yang terlibat berhubung dengan bantahan perjalanan pemilihan kelompok berkenaan, untuk mendapatkan maklumat dan fakta-fakta bagi membantu penyiasatannya dan membuat keputusan berhubung dengan bantahan tersebut. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan ini adalah muktamad.
- 24.4 Jawatankuasa ini juga boleh membuat suatu arahan kepada mana-mana Urusetia Pemilihan berkenaan bahawa mana-mana kertas undi atau dokumen-dokumen lain berhubung dengan pemilihan tersebut disalin atau diserahkan kepada jawatankuasa ini untuk membolehkan suatu penyiasatan dibuat.
- 24.5 Jawatankuasa ini akan menyampaikan segala laporan dan keputusan berhubung dengan penyiasatannya kepada Pengerusi JKP yang kemudiannya akan mengarah Urusetia

#### **Disediakan oleh Jawatankuasa Pemilih:**

Jamayah Basiron  
Khairul Anuar che Azmi  
Mazula Sabudin  
Nazru Ismail  
Noriah Mohamad  
Rohilatifah Harun  
Roslan Shuaid  
Haji Yusoff Abdullah